

PENDOKUMENTASIAN BAHASA PERIBUMI MELALUI TRADISI BERMUKUN DI SARAWAK

NORIZA DAUD

Universiti Teknologi MARA
norizadaud@uitm.edu.my

ROZAIMAH RASHIDIN

Universiti Teknologi MARA
rozai451@uitm.edu.my

MOHAMAD NIK MAT PELET

Universiti Teknologi MARA
nikmat@uitm.edu.my

NURUL NADIA SAMUD

Universiti Teknologi MARA
nurulnadia2555@uitm.edu.my

ABSTRAK

Tradisi bermukun merupakan salah satu aktiviti kesenian yang menjadi warisan budaya bagi masyarakat di Sarawak. Aktiviti kesenian ini merangkumi tiga elemen utama, iaitu bergendang, bertandak, dan berbalas pantun dalam bentuk nyanyian secara spontan. Kajian ini hanya memfokuskan aktiviti berbalas pantun yang disampaikan dalam bahasa peribumi masyarakat Melayu Sarawak. Kajian ini membangunkan satu medium pendokumentasian melalui pemprofilan yang lengkap untuk memelihara hasil khazanah pantun Melayu Sarawak yang dipersembahkan dalam aktiviti bermukun. Pantun-pantun ini perlu disimpan dalam bentuk ‘jangka hayat’ yang lama, sebagai salah satu usaha mempertahankan warisan kesenian yang menjadi khazanah masyarakat Melayu Sarawak. Kajian ini ialah kajian lapangan yang melibatkan pemerhatian, rakaman, temu bual berstruktur, dan pensampelan secara rawak secara berstruktur yang dilakukan di Kampung Petanak, Sungai Alo dan Kampung Tellian, Sarawak. Kajian mendapati usaha pendokumentasian warisan bahasa khususnya, sebagai sebahagian daripada budaya dan masyarakat tempatan Sarawak perlu dilakukan secara komprehensif bagi mengelak khazanah yang amat berharga ini pupus. Melalui kajian ini, usaha penyelidikan dan pengumpulan koleksi pantun dalam tradisi bermukun dapat dimanfaatkan kepada generasi berikutnya. Secara tidak langsung, kajian ini dapat melestarikan bahasa peribumi masyarakat Melayu Sarawak. Pelan tindakan perlu dirangka bagi memastikan usaha ke arah melestarikan khazanah bahasa peribumi melalui tradisi bermukun di Sarawak dapat dicapai, termasuk mendokumentasi agar pemikiran masyarakat Melayu setempat dapat diterjemahkan dan dikongsikan bersama.

Kata kunci: tradisi bermukun; berbalas pantun; bahasa peribumi; pendokumentasian bahasa peribumi; masyarakat Melayu Sarawak

DOCUMENTING SARAWAK'S INDIGENOUS LANGUAGES THROUGH THE BERMUKUN TRADITION

ABSTRACT

The tradition of bermukun is one of the performing arts traditions that represents the cultural heritage of the community in Sarawak. This artistic activity comprises three main elements: drumming, bertandak (traditional Malay dance), and exchanging pantun (verses) in the form of spontaneous singing. This study focuses only on the pantun exchange, which is delivered in the indigenous language of the Sarawak Malay community. It develops a documentation medium through comprehensive profiling to preserve the pantun heritage of the Sarawak Malay community showcased in bermukun performances. These pantuns must be preserved in a form with long-lasting value as part of the effort to safeguard the artistic heritage that is a cultural treasure of the Sarawak Malay community. This is a field study involving observation, recording, structured interviews, and structured random sampling conducted in Kampung Petanak, Sungai Alo, and Kampung Tellian, Sarawak. The study found that documenting linguistic heritage in particular, as part of the culture and society of Sarawak that must be carried out comprehensively to prevent this invaluable treasure from disappearing. Through this research, the collection and documentation of pantun in the bermukun tradition can benefit future generations. Indirectly, this study helps to sustain the indigenous language of the Sarawak Malay community. An action plan needs to be formulated to ensure that efforts to preserve the indigenous linguistic heritage through the bermukun tradition in Sarawak can be achieved, including documentation so that the thoughts and expressions of the local Malay community can be translated and shared.

Keywords: *bermukun* tradition; *pantun* recital; indigenous language; language documentation; Sarawak Malay community

PENGENALAN

Pantun merupakan salah satu medium komunikasi dalam aktiviti kesenian dan keramaian di negeri Sarawak yang masih dikekalkan dan mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan ini dapat diperhatikan melalui kegiatan berbalas pantun dalam bentuk nyanyian yang diadakan dalam majlis-majlis keramaian, misalnya majlis perkahwinan dan acara-acara khusus seperti majlis berkhatan dan mencukur rambut. Aktiviti kesenian ini merangkumi tiga elemen utama, iaitu bergendang, bertandak, dan berbalas pantun yang dipersembahkan dalam bentuk nyanyian. Acara nyanyian dalam pantun ini dikenali sebagai bermukun yang menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat di Sarawak.

Asal usul bermukun ialah daripada ritual perubatan dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak pada satu ketika dahulu, iaitu sebelum kedatangan Islam. Selepas kedatangan Islam dan ramai yang telah memeluk Islam, fungsi ritual ini semakin terhakis. Walau bagaimanapun, disebabkan faktor budaya yang telah terserap sejak berzaman, amalan bermukun masih diteruskan dengan adanya elemen penyesuaian budaya. Kini, tradisi bermukun yang masih dipraktikkan telah berubah fungsinya kepada salah satu aktiviti hiburan (*Utusan Borneo*: 3 Januari 2018). Bermukun kebiasaannya dilangsungkan ketika majlis perkahwinan, iaitu pada malam sebelum hari

persandingan mempelai dan turut dimainkan jika ada keraian atau majlis keramaian umum di seluruh Sarawak. Malah, adat serta tradisi ini terus hidup seiring dengan arus kemodenan. Tidak dinafikan usaha dan kesungguhan masyarakat peribumi Sarawak yang masih mengadakan keramaian khas untuk bermukun ini terus menyuburkan irama asli ini sejak zaman-berzaman.

Irama asli yang ditonjolkan dalam tradisi bermukun ini ialah berbalas pantun yang dilagukan berserta paluan gendang. Pantun tercipta dalam struktur yang unik, mempunyai pembayang dan maksud yang tersendiri melalui perlambangan yang dijelmakan dalam bentuk rangkap. Perlambangan ini terdiri daripada unsur-unsur alam seperti flora, fauna, unsur geografi, cakerawala, dan nama-nama tempat yang sangat akrab dengan pemantun. Hakikatnya, penyampaian pantun ini juga merupakan cara masyarakat berinteraksi dalam kalangan mereka dengan cara yang unik, namun terkandung mesej dan penyampaian yang jelas. Keunikan berbalas pantun dalam bentuk nyanyian ini adalah melalui penyampaian yang dilakukan secara spontan. Memandangkan pantun secara dasarnya wujud sebagai puisi lisan, maka usaha pelestarian wajar dilakukan bagi menjamin warisan kesenian dan kebudayaan bangsa kerana pantun mengandungi khazanah bangsa Malaysia.

Justeru, bagi menjaga kelestarian ini, satu medium pendokumentasian melalui pemprofilan yang tepat dan lengkap perlu dibangunkan agar hasil khazanah pantun tetap terpelihara. Usaha ini selari dengan saranan mantan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Datuk Seri Nancy Shukri, yang menegaskan bahawa pengiktirafan khazanah warisan kebudayaan tidak ketara akan mengangkat wajah Malaysia pada mata dunia, sekali gus menjadi produk pelancongan negara. Pantun telah diiktiraf sebagai warisan kebudayaan tidak ketara negara dalam kategori Senarai Wakil Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan pada tahun 2020.

Pendokumentasian bahasa dalam tradisi bermukun ini menjadi input kepada bidang leksikografi bahasa peribumi. Secara tidak langsung kajian ini dapat melestarikan bahasa peribumi di Sarawak melalui medium pantun. Selain itu, usaha penyelidikan melalui pendokumentasian bahasa dalam tradisi bermukun dapat dimanfaatkan kepada generasi berikutnya.

KAJIAN LEPAS

Pantun merupakan salah satu khazanah unggul yang bukan sahaja dimiliki oleh kelompok masyarakat tertentu, malah hampir setiap kelompok masyarakat mempunyai khazanah pantun tersendiri. Antara pantun yang menjadi pilihan ialah pantun Melayu Sarawak. Keunikan pantun tersebut telah menarik perhatian pengkaji tempatan, antaranya ialah Mohammad Syawal Narawi, Nor Hasimah Ismail, dan Lee Jun Choi (2024). Kajian mengenai Pantun Melayu Sarawak Sebagai Wadah Penerapan Nilai Tanggungjawab telah mengenal pasti budaya bermukun dan bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak. Budaya bermukun yang masih rancak dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan santai, tetapi turut menerapkan nilai tanggungjawab dalam kehidupan seharian. Tanggungjawab berkenaan bukan sekadar terhadap kepentingan sendiri, tetapi merangkumi tanggungjawab membantu orang lain, tanggungjawab menjaga maruah agama, bangsa, dan negara. Ternyata pantun berupaya untuk dilestarikan sebagai wadah menerapkan nilai tanggungjawab. Warisan budaya masyarakat Melayu Sarawak ini diharap dapat didokumentasikan agar warisan budaya ini tidak lenyap ditelan zaman.

Melalui kajian Dayang Fatin Amira (2022) yang bertajuk Falsafah dan Nilai dalam Pantun Melayu Sarawak mengetengahkan falsafah pemikiran dan konsep nilai dalam buku Pantun Sarawak: Tanda Kasih Kesetiaan Sejati. Tiga nilai utama yang dipilih untuk dibahas ialah nilai

keagamaan, nilai patriotisme, dan nilai budi. Ketiga-tiga nilai ini dipilih berdasarkan tema agama, negara, dan masyarakat. Nilai-nilai yang dipilih ini merupakan satu nilai asas dan dasar bagi seorang individu dalam masyarakat Melayu. Melalui kupasan yang diutarakan ini sewajarnya memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan nilai-nilai ini dalam kehidupan sehari-hari. Misalnya nilai keagamaan, yang meliputi tiga dasar utama, iaitu Islam, iman, dan ihsan sudah pun sebatian dengan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Begitu juga dengan nilai budi yang turut dipaparkan dalam prinsip Rukun Negara, iaitu prinsip kesopanan dan kesusilaan. Sejak kecil lagi, masyarakat Melayu diajar agar berbudi kepada sesama manusia mahupun kepada alam. Orang yang tidak berbudi atau tidak mengenang budi dianggap sebagai seorang yang tidak beradab.

Aishah Rohani et al. (2023) turut mengupas secara mendalam elemen nilai murni Islam dalam Pantun Sarawak: Tanda Kasih Kesetiaan Sejati. Perbincangan secara tuntas ini meneliti 16 komponen teras nilai murni Islam yang dikemukakan Rozita Che Rodi (2019) bagi meninjau penerapan aspek tatasusila dan kelangsungan kehidupan bangsa Melayu Sarawak. Tegasnya, jati diri bangsa Melayu Sarawak digambarkan melalui nilai murni yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai ini juga yang menjadi pendorong, motivasi, dan pegangan bagi bangsa Melayu Sarawak melakukan perbuatan yang baik dan bersopan. Dalam hal ini, nilai murni Islam telah memberi inspirasi kepada bangsa Melayu Sarawak mengadun minda mereka dengan bijaksana dalam menciptakan pantun dengan baik. Proses penciptaan pantun memanfaatkan segala keindahan aneka ragam pengalaman hidup dan mengetengahkan elemen nilai murni Islam, pemikiran dan falsafah yang terkandung secara tersurat serta tersirat dalam pantun. Kebijaksanaan dan kreativiti mengaplikasikan pantun dengan pemilihan dan penggunaan kata yang tepat, sesuai, bernilai seni, baik, dan sopan menjadikan pantun yang dihasilkan memiliki nilai estetika tinggi.

Sejak kebelakangan ini, kajian mengenai tradisi bermukun semakin mendapat perhatian. Kajian oleh Nurul Haifa Husna & Nurazan Ainulyakin (2022) berkaitan Keunikan Budaya Mukun Melayu Sarawak, bukan sekadar menyumbang pada kajian yang sedia ada, malah membuktikan perhatian serius akan kelestarian tradisi ini. Kajian ini turut menyingkap mesej yang disampaikan secara tersirat dan diperhalusi dengan penerangan yang cukup mendalam. Kajian seumpama ini sangat membantu dalam menyampaikan nilai-nilai dan iktibar yang boleh dijadikan teladan dalam hidup masyarakat. Di samping mendedahkan terdapatnya hubungan erat antara pemantun dengan masyarakat sekeliling, hubungan dengan alam sekeliling juga bersatu dalam pantun ini.

Selain itu, pantun Melayu Sarawak yang dimuatkan dalam koleksi buku *Kurik Kundi Merah Saga* (2002), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka turut dimanfaatkan melalui kajian Rohayati et al. (2019). Nilai-nilai sosiobudaya masyarakat Sarawak dipaparkan menerusi pantun terpilih dengan menggunakan konsep Teori Sosiologi Sastera yang dikemukakan oleh Laurenson & Swingewood (1972). Konsep ini merangkumi sastera sebagai cerminan zaman, sastera daripada proses kepengarangan, dan sastera dalam hubungannya dengan sejarah. Ternyata, pantun-pantun Melayu Sarawak sarat dengan nilai-nilai budaya tempatan yang menjadi cerminan masyarakat Melayu Sarawak dan memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat luar.

Kajian yang dihasilkan oleh Hamsiah & Che Ibrahim (2017) pula melihat kesantunan bukan sahaja dapat ditinjau dari aspek kehidupan biasa seperti dalam ujaran lisan, tetapi juga dapat dilihat dalam penulisan, khasnya yang berkaitan dalam penghasilan pantun. Pantun Melayu Sarawak khasnya, merupakan pantun yang digunakan semasa bermukun dalam masyarakat Melayu Sarawak sejak dahulu lagi, terutama semasa majlis perkahwinan dan majlis menyambut orang besar. Penggunaan wacana dalam pantun Melayu Sarawak khususnya dalam tradisi bermukun memperlihatkan kesantunan yang sudah diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Melayu Sarawak. Misalnya, penyampaian mesej adalah sopan dan tidak menggores perasaan

orang lain. Mesej yang mengandungi teguran membina juga dilakukan sebaik mungkin dengan menggunakan bahasa yang santun agar tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Komunikasi santun seperti ini amat penting untuk mengelakkan salah faham terutama dalam sesebuah masyarakat yang berbilang kaum. Kesantunan juga perlu dijaga terutama semasa bermukun yang merupakan suatu persembahan sempena meraikan majlis perkahwinan. Justeru, amat perlu untuk menjaga hati para tetamu yang bertandang ke rumah pengantin. Selain itu, aktiviti bermukun juga dijadikan wadah dan riadah, setelah penat seharian bekerja membanting tulang. Ungkapan pantun yang diujarkan bukan hanya berfungsi sebagai hiburan santai, namun mengandungi unsur nasihat yang mengajar masyarakatnya agar memahami pentingnya hidup bermasyarakat dalam kehidupan secara harmoni.

Berikutnya, Hamsiah (2018) turut mengetengahkan pemikiran etika yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak (bermukun) yang berperanan menunjukkan tingkah laku masyarakat Melayu di Sarawak. Bermukun bukan sahaja bertujuan untuk berhibur, malah mengandungi penyerapan nilai dan etika dalam masyarakat. Pantun Melayu Sarawak dianalisis berdasarkan kerangka pemikiran. Pantun ini dipilih kerana pantun ini lebih bertumpu kepada penggunaan dialek Sarawak, tidak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran formal, namun telah diamalkan secara meluas dalam kalangan warga tua yang bertujuan untuk berhibur di samping memberi nasihat dan pengajaran kepada para pendengar. Pemikiran yang berkaitan dengan tingkah laku dalam masyarakat sangat jelas digunakan dalam pantun Melayu Sarawak. Walaupun bermukun merupakan salah satu acara yang berperanan untuk bersuka ria, namun penyelitan pemikiran etika tetap diberi keutamaan bagi memastikan masyarakat Melayu kekal dengan adat dan mempunyai tingkah laku yang baik.

Pantun Melayu Sarawak: Pentafsiran Makna Implikatur oleh Fatimah (2017) menerangkan bahawa implikatur bukan sahaja wujud dalam perbualan, tetapi juga dalam aktiviti bahasa yang tidak melibatkan perbualan, misalnya pengucapan pantun. Sebanyak 50 rangkap pantun Melayu Sarawak dikaji berdasarkan pendekatan Paul Grice. Setiap pantun tersebut wujud implikatur untuk menyampaikan mesej yang tersirat dalam maksud pantun yang lazimnya disampaikan secara tersurat.

Menerusi kajian Siti Hajar (2013) yang bertajuk *Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya*, mendapati pantun sebagai hasil kreatif masyarakat Melayu yang terawal. Pantun merupakan khazanah silam yang kreatif dan bernilai. Pantun melambangkan intelektualiti masyarakat Melayu yang tinggi nilai sasteranya kerana menjadi wahana bagi pengucapan dalam pelbagai aktiviti kehidupan masyarakat sejak dahulu, termasuklah budaya, gaya hidup dan interaksi manusia dengan alam. Pantun juga dijadikan wadah untuk masyarakat Melayu mengekspresikan nilai keagamaan dan aspek yang kompleks dalam kehidupan seharian mereka. Istimewanya pantun ini, sejak dahulu lagi dapat membantu masyarakat terutamanya orang Melayu untuk merakam dan menzahirkan gaya hidup mereka dengan mengaitkan secara langsung dengan hukum alam yang melingkari persekitaran kehidupan mereka.

Penggunaan kias dan ibarat dalam Pantun Mukun Melayu Sarawak turut dibuktikan melalui kajian Hazami (2012). Sebanyak 200 pantun yang dipersembahkan dalam majlis bergendang atau bermukun dianalisis menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1989). Kajian ini juga membuat penilaian dan rumusan tentang kemantapan dan kesesuaian teori ini dalam mengkaji aspek estetika pantun Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa kiasan menjadi kaedah dasar kepada cara berfikir orang Melayu dan teknik utama untuk mengubah pantun. Fungsi kiasan adalah sebagai alat mengindahkan bahasa, menajamkan makna dan menjaga air muka seseorang dalam komunikasi lisan. Selain itu, dapat

disimpulkan bahawa teori yang diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh sangat bersesuaian dan jitu untuk mengkaji pelbagai fungsi metafora dalam pantun Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif. Kajian telah dilakukan berdasarkan data yang diperoleh melalui kajian lapangan yang dijalankan secara temu bual, pemerhatian dan rakaman. Temu bual dilakukan secara berstruktur dengan menemu bual seorang informan yang telah dikenal pasti, yang merupakan penduduk tempatan yang bergiat dalam tradisi bermukun serta aktif menjalankan penyelidikan berkaitan di Sarawak. Malah, informan juga turut aktif mempromosikan aktiviti bermukun sehingga ke Indonesia dan Brunei.

Selain itu, kajian lapangan ini memfokuskan pemerhatian dan rakaman di daerah Mukah Sarawak, iaitu di Kampung Petanak, Sungai Alo dan Kampung Tellian. Pemerhatian merupakan salah satu sumber penting bagi mendapatkan data secara langsung dan sahih. Kaedah pemerhatian dilakukan secara tinjauan sepanjang kegiatan berbalas pantun berlangsung. Pemerhatian ikut serta juga turut digunakan dalam mengutip data. Kaedah ini mengukuhkan lagi pemahaman dan penjelasan terhadap kajian yang dilakukan. Kedua-dua kaedah pemerhatian ini dilakukan dari awal hinggalah aktiviti tersebut selesai.

Rakaman secara audio-visual turut dibuat sepanjang kegiatan berbalas pantun bagi memastikan tiada keciciran data dan rakaman tersebut dapat diulang tayang. Teks lisan audio-visual disimpan dan direkodkan mengikut garis panduan prosedur kajian tradisi lisan lapangan (Taib Osman, 1991). Seterusnya, teks lisan ditranskripsi daripada bahasa natif ke bahasa Melayu dengan khidmat pembantu penyelidik yang pakar serta berpengetahuan dalam bahasa serta budaya masyarakat Melayu Sarawak.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Keunikan dan keistimewaan yang dimiliki dalam tradisi bermukun di Sarawak sewajarnya diberi perhatian khusus dan diwartakan dalam khazanah bahasa, budaya, dan masyarakat tempatan negeri Sarawak. Justeru, usaha pendokumentasian warisan bahasa khususnya, sebagai sebahagian daripada budaya dan masyarakat tempatan Sarawak perlu dilakukan secara komprehensif bagi mengelak khazanah yang amat berharga ini pupus. Pelan tindakan perlu dirangka bagi memastikan usaha ke arah melestarikan khazanah bahasa peribumi melalui tradisi bermukun di Sarawak dapat dicapai.

Pendokumentasian Bahasa Peribumi

Bidang kebudayaan dan kesenian, khususnya yang membabitkan bahasa dan budaya sentiasa mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Kegiatan yang berunsur hiburan tradisi lisan yang bermanfaat semakin terhakis dalam kalangan generasi muda. Puisi-puisi tradisional yang mengiringi kebanyakan persembahan kesenian tradisional seperti gendang Sarawak, lagu-lagu rakyat, permainan, tarian, upacara keagamaan dan ritual adat istiadat semakin terpinggir. Perkara ini amat merugikan kerana melalui puisi tradisional, kita dihadapkan dengan pelbagai gambaran pemikiran dan falsafah hidup yang menjadi sumber dokumen budaya masyarakat setempat. Usaha mendokumentasi, menganalisis, dan mentafsir puisi berkenaan wajar dilakukan agar pemikiran

masyarakat Melayu setempat dapat diterjemahkan dan dikongsikan bersama.

Justeru, budaya bermukun, satu daripada tradisi seni persembahan yang menggabungkan tarian, pukulan gendang, dan berbalas pantun dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak, perlu dipertahankan agar tidak lenyap ditelan zaman. Walaupun telah ada usaha murni yang dilakukan sejak tahun 2000, tetapi penglibatan aktif masyarakat setempat, khususnya generasi muda amat perlu bagi menyokong pengekalan budaya ini. Melalui Program Bermukun Se-Borneo 2024 misalnya, dapat memartabatkan seni budaya bermukun dalam kalangan masyarakat serantau, melibatkan Malaysia, Indonesia, dan Brunei, hasil kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM), Radio Republik Indonesia (RRI), dan Radio Televisyen Brunei (RTB). Kerjasama serumpun tiga negara ini menjadi platform penting dalam membina masyarakat yang berjati diri kukuh, memelihara warisan budaya, serta menanam rasa prihatin terhadap sumbangan seni dan budaya.

Hasil penelitian mendapati bahawa mukun atau pantun yang dilafazkan secara spontan dan bersahaja ini berfungsi sebagai sarana untuk menghibur, mendidik, dan mengkritik perilaku masyarakat. Sesuai dengan sifatnya sebagai hiburan yang bermanfaat, isi pemikiran pantun dalam gendang Sarawak didominasi oleh kisah-kisah kehidupan. Pantun atau mukun yang digubah menjadi beberapa irama lagu dalam seni gendang Melayu Sarawak, sebahagian besarnya berlegar pada pemikiran cinta, sama ada disampaikan secara tersurat atau tersirat. Hal ini kerana fungsi utama seni bergendang adalah untuk hiburan santai. Dengan itu pemikiran terhadap cinta, kasih dan sayang sememangnya berupaya mengendurkan tegangan jiwa dan menghibur hati. Pantun-pantun yang berlandaskan pemikiran cinta, walaupun digambarkan secara sederhana, ringan dan menghiburkan, namun isinya berupaya mendukung nilai, falsafah, peradaban dan etika masyarakat yang mewarisinya.

Walaupun pantun-pantun yang disampaikan ini secara lisan dan spontan, namun ciri keindahan puisinya jelas terbayang pada diksi, irama dan isi pemikirannya. Pantun-pantun yang dipersembahkan dalam bentuk nyanyian ini juga menepati ciri keindahan dan estetika pantun yang baik. Pantun empat kerat merupakan rangkap yang paling kerap digunakan sejak daripada dahulu hingga sekarang yang dicipta dan disusun sendiri semasa persembahan berlangsung. Pemantun bebas untuk menyanyikannya di hadapan para penonton dan menentukan tema pantun yang ingin dipersembahkan.

Idea spontan biasanya berlaku ketika pemantun mengungkapkan rangkap pantun yang dilagukan. Lontaran idea walaupun dilakukan secara bersahaja, namun tetap berirama, penuh dengan lengkok aturannya yang tersendiri. Misalnya dapat diperhatikan berdasarkan rangkap-rangkap pantun yang berikut:

Buah mempelam bawa ke pekan,
Dibawa orang di dalam kain;
Assalamualaikum saya ucapkan,
Ini malam numpang bermain.

Bunga cengkih dalam jeramek,
Buah sukun masak di dahan;
Terima kasih bersama kamek,
Mukun Sarawak kamek sembahkan.

Api apa di Tanjung Batu,
Api Pak Jenal tukang perahu;

Anak sapa bertandak itu,
Rupa kenai nama sik tau.

Cenderawasih telahlah diawan,
Terebang dia tinggi sekali;
Terima kasih kepada pihak tuan,
Kerana sudi menjemputlah kami.

Pantun tersebut dilagukan sebagai pembuka majlis bermukun dan juga alu-aluan kepada para penonton, pemain gendang, serta yang bertandak (menari). Beginilah salah satu cara masyarakat setempat berkomunikasi dan berinteraksi sesama mereka, dalam bentuk nyanyian yang santai tetapi cukup menghiburkan. Sesiapa sahaja berpeluang beraksi dalam aktiviti bermukun, sama ada menari atau berpantun. Ungkapan pantun yang disampaikan dalam bahasa peribumi Sarawak ini terbina daripada rangkap-rangkap yang mengandungi gambaran isi dan falsafah pemikiran masyarakat setempat.

Naratif Pantun

Menerusi nyanyian rangkap-rangkap pantun dalam tradisi bermukun, tergambar keupayaan pemantun yang sehati dengan pengalaman lalu. Cerita-cerita yang dipersembahkan merupakan pengalaman yang berupaya mencerminkan cara pemikiran masyarakat setempat. Mereka menterjemahkan kisah-kisah kehidupan, perasaan hati, penghargaan, gambaran emosi, pengalaman lalu, dan situasi semasa ke dalam bentuk hiburan santai yang cukup bermanfaat. Misalnya perasaan hati dan penghargaan dijemakan menerusi maksud pantun seperti yang berikut:

Bukan kunci sebarang kunci,
Almari ada dimakan anai;
Bukan sengaja saya ke mari,
Hajat sudah juga tunai.

Abanglah sayang kita berdendang,
Malam ini kita menyanyi;
Terima kasih datanglah tuan,
Jauh jebungan datang ke mari.

Mesej yang terkandung menerusi rangkap maksud pantun berikutnya pula menzahirkan unsur nasihat yang ada kaitannya dengan isu-isu semasa. Inilah uniknya komunikasi lisan yang turut dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Sarawak. Hiburan bukan sekadar hiburan, tetapi mengandungi mesej yang cukup berkesan.

Pagi ini pergi ke Kapit,
Dari Kapit pergi ke kota;
Sekarang juga musimnya covid,
Sama kita menjaga kita.

Mari kita jalan ke pekan,

Jalan ia di tengah pantai;
Jangan ingkar pada arahan,
Emas jangan lupa dipakai.

Pengekalan Warisan Budaya

Usaha pendokumentasian wajar dilakukan bagi memastikan khazanah warisan budaya seperti aktiviti bermukun ini tidak ditelan zaman. Aktiviti bermukun yang merangkumi paluan gendang, gerak tari dan ungkapan pantun yang diujar secara spontan perlulah dikekalkan agar terus menjadi identiti negara Malaysia, khususnya masyarakat di Sarawak. Noor Rohana et al. (2013) menjelaskan bahawa usaha pengekalan warisan khazanah perlu dilakukan sebagai usaha melestarikan budaya yang mampu memberi manfaat kepada generasi akan datang, selain mengangkat martabat, identiti serta memperkasa bahasa, budaya, dan masyarakat Malaysia secara global.

Justeru, usaha pengekalan berkaitan aktiviti bermukun perlu digerakkan bagi memastikan keaslian aktiviti bermukun ini terpelihara sepanjang zaman. Usaha ini sangat selari dengan pandangan N. Utaberta et al. (2011) yang menekankan kepentingan mendokumentasikan khazanah warisan untuk pembangunan pemikiran, idea dan teori yang berkaitan dengan sejarah khazanah warisan negara.

Terdapat pelbagai langkah pengekalan yang boleh disyorkan kepada pihak-pihak bertanggungjawab amnya, dan pengkaji khususnya. Namun, kajian ini hanya berfokus kepada pendokumentasian berteraskan penyelidikan dan pembangunan, serta mewujudkan paten bermukun. Usaha ini bukan hanya melibatkan institusi-institusi pendidikan, malah seluruh agensi dan masyarakat setempat perlu memainkan peranan bersama untuk memastikan aktiviti bermukun kekal sepanjang zaman. Muhammad Qawiem Hamizan et al. (2022) menyatakan usaha mementaskan sesuatu karya sastra lama seperti cerita rakyat merupakan langkah pendokumentasian yang popular dalam memastikan karya cerita rakyat terus menjadi ingatan dalam kalangan masyarakat, termasuklah inovasi penghasilan karya dalam bentuk buku yang menghimpunkan hasil karya.

Noor Rohana et al. (2013) pula menyarankan langkah-langkah pendokumentasian dan pengekalan secara kaedah merangka pelan tindakan melalui agensi tempatan. Kerajaan negeri perlu merangka agenda pensejarahan warisan, pelaksanaan wacana ilmu berkaitan budaya dan bahasa termasuklah mempromosi produk tempatan melalui media. Kerajaan negeri dan pihak Muzium Negeri Sarawak dengan kerjasama kumpulan penyelidik misalnya, perlu merancang agenda pensejarahan warisan bahasa dan budaya sebagai usaha mengangkat martabat warisan bahasa dan budaya masyarakat tempatan ke persada ilmiah. Bahasa dan budaya masyarakat Sarawak khususnya melibatkan daerah Mukah yang menjadi lokasi kajian, mencerminkan masyarakat setempat melalui nyanyian mukun dalam rangkap-rangkap pantun yang berikut:

Lengang-lengang si kuih lengang,
Kuih dilengang di dalam kual;
Abang menari saya bergendang,
Malam ini menghiburlah hati.

Bukan kacang sebarang kacang,
Kacangku ini di pohon jagung;
Bukan gendang sebarang gendang,
Gendangku ini pengantin baru.

Bukanlah rumah sebarang rumah,
Rumahlah kami berwarna-warni;
Bukan singgah sebaranglah singgah,
Singgahlah kami menghiburkan hati.

Ramalah rama berwarna putih,
Terbanglah dia di langit tinggi;
Samalah sama berterima kasih,
Oranglah Mukah pemurah hati.

Melalui rangkap-rangkap pantun yang berikut menggambarkan aktiviti hiburan masyarakat setempat melalui tradisi bermukun yang juga dipentaskan semasa majlis keramaian, khususnya majlis perkahwinan.

KESIMPULAN

Pendokumentasian bagi pengekalan warisan budaya tradisi perlu divariasikan dalam pelbagai kaedah dan medium yang tidak hanya terhad dalam bentuk penulisan. Malah, dengan kemajuan teknologi dunia, usaha perekodan dan penerbitan menerusi pelbagai media maya dapat dilaksanakan. Pendokumentasian ini sangat penting sebagai salah satu usaha ke arah memelihara dan memulihara senario kepupusan bahasa yang semakin jelas berlaku tanpa disedari. Begitu juga dengan bermukun yang disampaikan dalam bahasa peribumi patut dijaga agar kelestarian ini menjadi warisan turun-temurun. Usaha ini secara tidak langsung dapat memberikan pemahaman yang meluas kepada masyarakat umum untuk memahami dan menguasai bahasa dan kehidupan masyarakat tempatan dengan lebih jelas. Justeru, kajian lanjut boleh dilakukan untuk memastikan usaha pendokumentasian dapat dilaksanakan secara teratur dan tertib, sekali gus menjadikan aktiviti bermukun ini sebagai paten khazanah Malaysia amnya, dan masyarakat Sarawak khasnya.

RUJUKAN

- Aishah Rohani Nahar, Wan Norlidza Wan Mohd Zain, Yusop Hj. Malie, Senian Hj. Malie & Hj. Mohd. Sapawi Hj. Jamain. 2023. Elemen Nilai Murni Islam dalam Pantun Sarawak: Tanda Kasih Kesetiaan Sejati. *Proceedings Borneo International Islamic Conference*, Vol. 14, 122- 133.
- Dayang Fatin Amira Abang Ibrahim. 2022. Falsafah dan Nilai dalam Pantun Melayu Sarawak. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu*, Vol 1(2).
- Fatimah Subet. 2017. *Pantun Melayu Sarawak: Pentafsiran Makna Implikatur*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Fatimah Subet & Salbia Hassan. 2009. Bergendang dan Bermukun dalam Masyarakat Melayu Sarawak. *Proceedings of Seminar Budaya Melayu Sarawak V, Kompleks Pelancongan*

Sarawak, Kuching.

- Fatimah Subet, Shanthi Nadarajan, Wan Robiah Meor Osman & Salbia Hassan. 2015. *Semantik dan Pragmatik dalam Pantun Bidayuh Jagoi*. UNIMAS Publisher: Universiti Malaysia Sarawak.
- Hamsiah Juki. 2018. Pemikiran Etika dalam Pantun Melayu Sarawak. *Jurnal Peradaban Melayu*, Jilid 13, 102-113.
- Hamsiah Juki & Che Ibrahim Salleh. 2017. Kesantunan Pantun Melayu Sarawak. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, Jilid 5, 56-100.
- Hazami Jahari. 2012. Pantun Mukun Melayu Sarawak: Satu Kajian Kias dan Ibarat. Unpublished Ph.D thesis. Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Kurik Kundi Merah Saga. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurenson, D. T. & Swingewood, A. 1972. *The Sociology of Literature*. London: MacGibbon & Kee Ltd.
- Mohd Taib Osman. (Peny.). 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Achil Norrlatep. 2018. Bermukun, Adat Melayu Sarawak Yang Tidak Lapuk Ditelan Zaman. Dlm. *Utusan Borneo Online*, 20 Disember. (Atas Talian). Muat turun 12 Julai 2025, dari <https://www.utusanborneo.com.my/2018/01/03/bermukun-adat-melayu-sarawak-yang-tidak-lapuk-ditelan-zaman>
- Mohammad Syawal Narawi, Nor Hasimah Ismail & Lee Jun Choi. 2024. Pantun Melayu Sarawak Sebagai Wadah Penerapan Nilai Tanggungjawab. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3 (11), 19-31.
- Muhammad Khalil bin Khirruddin & Mas Rynna Wati Ahmad. 2023. Perlambangan Unsur Alam dalam Pantun Melayu Terpilih dari Sudut Pandangan Ekokritikan. *Jurnal Melayu: Isu Khas Disember*, 46-59.
- Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin. 2022. Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 34-41.
- N. Utaberta, M. Surat, & N. Spalie. 2011. Isu dan Kepentingan Dokumentasi serta Klasifikasi dalam Kajian, Pendekatan dan Interpretasi Terhadap Seni Bina Islam Moden di Nusantara. *Journal Design*, 85-97.
- Nailah Huda. 2020. Pantun, Upacara Wangkang Diiktiraf UNESCO. Dlm. *Astro Awani Online*, 18 Disember. (Atas Talian). Muat turun 12 Julai 2025, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pantun-upacara-wangkang-diiktiraf-unesco-273673>
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. 2016. Pantun Melayu sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 146-159.
- Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim. 2013. Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan Pengekalan Warisan Variasi Bahasa Tempatan. *Jurnal Melayu*, 10, 21-35.
- Nurul Haifa Husna Abd Aziz & Nurazan Ainulyakin Jubli. 2022. Keunikan Budaya Mukun Melayu Sarawak. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu*, Vol. 2, No. 01.
- Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat @ Mustaffa. 2019. Pantun Melayu Sarawak Cerminan Sosiobudaya Masyarakat Sarawak. <https://www.researchgate.net/publication/342591460>
- Rozita Che Rodi. 2019. Hati Budi Melayu dalam Pengajian Melayu: Analisis Kata Fokus “Nilai”

- Berdasarkan Teori Medan Makna. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, April.
- Siti Hajar Che Man. 2013. Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 1(1), 75-81.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2017. Nilai Pendidikan dan Kebijaksanaan Masyarakat Melayu dalam Pantun dan Peribahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 5:2, 73-86.

BIODATA PENULIS

Noriza Daud merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang tumpuan yang difokuskan ialah semiotik, laras bahasa, ragam bahasa, dan tatabahasa bahasa Melayu.

Rozaimah Rashidin (PhD) ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kajian yang diminati ialah semantik, pragmatik, ekolinguistik, dan linguistik korpus.

Mohamad Nik Mat Pelet (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah morfologi dan tatabahasa bahasa Melayu.

Nurul Nadia Samud merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan retorik bahasa Melayu.